ISU-ISU REMAJA SUKA MELEPAK (Part 10)

Azizi Hj Yahaya

CARA MENGATASI GEJALA LEPAK DI KALANGAN REMAJA

Remaja dan pelajar merupakan golongan pewaris kepimpinan hari ini dan penerus wawasan negara. Kepesatan pembangunan ekonomi dan teknologi telah memberikan kesan kepada pembangunan sosial dan insaniah para pelajar. Minda mereka menjadi lebih terbuka dan bebas. Lepak merupakan masalah sosial yang menjadi pemangkin kepada pelbagai masalah sosial yang lain yang menuntut cabaran untuk mengatasinya.

Rasulullah s.a.w. bersabda: Jika engkau berada pada waktu petang, maka janganlah engkau menunggu waktu pagi, dan apabila engkau berada pada waktu pagi maka janganlah engkau menunggu waktu petang. Dan gunakanlah masa sihat engkau untuk masa sakit dan masa hidup untuk masa mati mu.

Ini bermakna keinginan untuk mengecapi kebahagiaan hidup yang sejahtera di dunia dan kebahagiaan abadi di akhirat adalah perlu kepada pengisian kehidupan dengan sesuatu yang wajar. Adakah mungkin generasi muda hari ini merasakan lepak itu penting kerana mencontohi generasi yang lebih tua atau warga emas yang lebih sinonim membazirkan masa di kedai kopi? Apakah mereka menyedari laluan hidup yang sepatutnya mereka tempuhi adalah berbeza dengan laluan hidup yang akan ditempuhi oleh warga emas? Apakah sebenarnya yang menyebabkan generasi muda gemar melepak? Apakah nilai masa bagi generasi muda?. Oleh itu, adalah wajar sekiranya semua pihak terus cuba mencari jalan keluar untuk mengatasi budaya yang tidak sihat ini. Bagi merungkai jalan keluar beberapa langkah untuk mengatasi masalah ini seperti, memperkasakan sistem akademik, mengukuhkan institusi keluarga, keprihatinan masyarakat dan juga program Rakan Muda dapat menghindarkan diri remaja daripada terlibat dalam gejala sosial..

Continue...